

## CITRA PUTERI GUNUNG LEDANG MENURUT PERSPEKTIF *HIKAYAT HANG TUAH*

(*The Image of Puteri Gunung Ledang from The Hikayat Hang Tuah's Perspective*)

MOHD HANIFF MOHAMMAD YUSOFF\*

### ABSTRAK

Sesebuah karya epik menampilkan wacana yang menggugah dalam memerihalkan sebuah kehidupan, malah kesatriaan watak-watak yang terkandung di dalamnya mempesonakan. Watak-watak ini diperlihatkan dengan keunggulan dari segi perwatakan yang ideal sehingga diangkat sebagai suri teladan dalam kalangan masyarakat. *Hikayat Hang Tuah* merupakan salah sebuah karya epik yang begitu kaya dengan nilai-nilai sosial, kemanusian, kebudayaan dan kemasyarakatan. Walau bagaimanapun, naskhah *Hikayat Hang Tuah* menampilkan watak Puteri Gunung Ledang dari perspektif yang berbeza seperti yang sering diperihalkan kepada masyarakat atau berbanding yang tersurat dalam naskhah *Sejarah Melayu*. Perihal ini menjadi pemangkin dalam penelitian ini bagi mengenal pasti citra Puteri Gunung Ledang yang diterjemahkan dalam naskhah *Hikayat Hang Tuah*. Penelitian ini menyusuri naskhah *Hikayat Hang Tuah* bagi mengenal pasti watak serta perwatakan yang disandarkan pada watak Puteri Gunung Ledang dalam naskhah *Hikayat Hang Tuah*, lalu diuraikan secara terperinci. Jelasnya, Puteri Gunung Ledang ditampilkan berbeza dari segi peranan serta kisah-kisah yang diceritakan dalam naskhah *Hikayat Hang Tuah*.

*Kata Kunci:* Puteri Gunung Ledang; *Hikayat Hang Tuah*; Sastera epik; Sastera sejarah; Epik Melayu

### ABSTRACT

An epic work features an evocative discourse in describing a life, even the chivalry of the characters contained in it is enchanting. These characters are shown with excellence in terms of ideal character so that they are appointed as role models in society. *Hikayat Hang Tuah* is one of the epic works that is so rich in social, humanitarian, cultural and societal values. However, the character of Puteri Gunung Ledang is portrayed differently in *Hikayat Hang Tuah* opposite *Sejarah Melayu*. This is the catalyst in this study to identify the image of Puteri Gunung Ledang which is translated in the manuscript of *Hikayat Hang Tuah*. This study goes through the manuscript of *Hikayat Hang Tuah* to identify the characters and characters that are based on the character of Puteri Gunung Ledang in the manuscript of *Hikayat Hang Tuah*, and then described in detail. In conclusion, Puteri Gunung Ledang is portrayed differently in terms of roles and stories told in the *Hikayat Hang Tuah*.

*Keywords: Puteri Gunung Ledang; Hikayat Hang Tuah; Epic literature; Historical literature; Malay epic*

## PENGENALAN

Puteri Gunung Ledang antara watak yang masyhur diperkatakan dalam kalangan masyarakat Melayu secara turun-temurun kerana nama ini turut disebut dalam naskhah sastera sejarah tempatan. Umum mengetahui kisah Puteri Gunung Ledang yang dipinang oleh Sultan Melaka, namun diberikan syarat peminangan yang agak keterlaluan dan tidak masuk dek akal termasuk semangkuk darah anakanda Sultan Melaka iaitu Raja Ahmad yang tidak sanggup ditunaikan.

Berdasarkan *Sejarah Melayu* yang diusahakan oleh W.G. Shellabear, isteri Sultan Mahmud iaitu bonda kepada Raja Ahmad telah mangkat dan membawa kepada rentetan kisah peminangan Puteri Gunung Ledang bagi mengisi kedudukan takhta seorang permaisuri dalam kerajaan Melaka. Perintah ke atas peminangan Puteri Gunung Ledang diserahkan dalam petikan berikut:

Maka titah Sultan Mahmud, “Jikalau beristeri sama anak raja-raja ini, adalah raja-raja lain pun demikian juga; yang kita kehendaki, barang yang tiada pada raja yang lain, itulah hendak kita peristeri. Akan sekarang kita hendak meminang Puteri Gunung Ledang; Laksamana dan Sang Setia kita titahkan.”

(*Sejarah Melayu*: 211)

Sultan Mahmud bersifat memilih dalam memilih pasangan baginda sehingga akan mahukan isteri dari golongan yang tidak pernah diperisteri oleh keturunan diraja yang lain. Perintah Sultan Mahmud ditunaikan oleh Laksamana, Sang Setia dan Tun Mamat. Mereka telah mendaki Gunung Ledang membawa hajat sultan mereka. Walau bagaimanapun, Laksamana dan Sang Setia tidak dapat meneruskan perjalanan, tambahan pula ketika itu Laksamana telah pun renta. Wan Abd. Halim Bashah (2017) memberi gambaran Laksamana berada dalam keadaan keuzuran dan tidak mampu meneruskan pendakian, lalu berhenti rehat di suatu tempat untuk melepaskan lelah.

Misi peminangan diteruskan Tun Mamat sehingga Tun Mamat bertemu seorang perempuan tua yang telah menyampaikan syarat peminangan yang dikehendaki Puteri Gunung Ledang. Petikan berikut menggambarkan suasana dan syarat-syarat peminangan yang dikemukakan Puteri Gunung Ledang;

Maka Dang Raya Rani dengan keempat perempuan pertama itu pun lenyapliah. Ada kadar sesaat, maka kelihatan seorang perempuan tua, bongkok belakangnya, berlipat tiga. Maka ia berkata pada Tun Mamat, “Adapun segala kata-kata tuan hamba itu sudahlah dipersembahkan oleh Dang Raya Rani kepada Tuan Puteri Gunung Ledang. Akan titah Tuan Puteri Gunung Ledang, “Jikalau Raja Melaka hendakkan aku perbuatkan aku jambatan emas satu, jambatan perak satu, dari Melaka datang ke Gunung Ledang ini. Akan peminangnya, hati nyamuk tujuh dulang, hati kuman tujuh dulang, air mata setempayan, air pinang muda setempayan, dan darah raja semangkuk, dan darah anak raja yang bernama Raja Ahmad itu semangkuk. Jikalau boleh demikian, kabullah Tuan Puteri Gunung Ledang akan kehendak Raja Melaka itu.”

(*Sejarah Melayu*: 213)

*Sejarah Melayu* secara jelas memperincikan permintaan Puteri Gunung Ledang sebagai syarat penerimaan peminangan Raja Melaka jika semua permintaan tersebut ditunaikan. Secara jelasnya, Puteri Gunung Ledang merupakan seorang puteri yang bersemayam di Gunung Ledang dan dikisahkan sebagai seorang puteri yang ingin dipinang oleh Raja Melaka iaitu Sultan Mahmud dalam *Sejarah Melayu*. Abdul Rahman Ismail (2012) dalam makalahnya yang berjudul ‘Ceritera

Wanita dalam Sulalat-us-Salatin' menganggap kisah Puteri Gunung Ledang adalah sebuah kisah yang aneh serta penuh kiasan dalam hubungan golongan wanita dengan kuasa serta pemerintahan dan negara. Tuntasnya, kisah peminangan Puteri Gunung Ledang ini merupakan kiasan terhadap golongan pemerintah yang bersikap zalim dalam pemerintahannya terhadap rakyat jelata demi kepentingan nafsu semata-mata.

#### SOROTAN LITERATUR

Menelusuri kajian-kajian yang bersangkutan dengan *Hikayat Hang Tuah*, ternyata terdapat pelbagai aspek kajian yang menjadi pilihan para pengkaji. Kajian-kajian yang dilaksanakan mempercambahkan kosa ilmu dalam lapangan naskhah-naskhah tradisional. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Salinah Ja'afar (2013), memperhalusi pemaknaan simbol kebesaran dalam masyarakat Melayu yang ditampilkan melalui *Hikayat Hang Tuah* terhadap perkataan daulat, mahkota dan keris. Analisis kandungan yang dijalankan menjadikan teori Semiotik yang dikemukakan Peirce sebagai panduan. Hasil dapatan yang diperoleh memperlihatkan persepsi masyarakat Melayu begitu percaya pada kebesaran dan kedaulatan raja, maka secara tidak langsung menyerlahkan identiti masyarakat Melayu yang begitu taat pada raja. Sohaimi Abdul Aziz (2020) pula memfokuskan keris yang ditampilkan dalam *Hikayat Hang Tuah* iaitu keris Taming Sari. Penilaian lapisan budaya yang diterjemahkan menerusi keris Taming Sari dinilai berdasarkan pendekatan Semiotik daripada Roland Barthes. Secara tuntasnya, Sohaimi (2020) mengakui keris Taming Sari mempunyai tiga lapisan makna yang merangkumi reka bentuknya, nilai kepenggunaannya dan nilai daulat yang menyelubunginya. Selanjutnya, meneliti kajian oleh Mohd Rosli Saludin dan Muhammad Sufi Ahmad Nazri (2020) akan mempertemukan dapatan kajian tentang ketinggian adab masyarakat Melayu yang dijelmakan menerusi *Hikayat Hang Tuah* seperti adab dalam bersosial, adab menuntut ilmu, adab menghormati tetamu dan adab menghormati ibu bapa. Berpaksikan teori kajian budaya, kajian ini mencapai objektif yang disasarkan Mohd Rosli dan Muhammad Sufi (2020) dalam mengenal pasti jenis adab yang terkandung dalam *Hikayat Hang Tuah*. Muhammad Nor Sahfiq Amran dan Mas Rynna Wati Ahmad (2021) pula menyelongkar emosi Hang Jebat yang terungkap dalam *Hikayat Hang Tuah*. Kajian ini menjadikan teori Rasa-Fenomologi dalam menginterpretasikan emosi Hang Jebat. Hasil analisis kandungan yang dirungkaikan, watak Hang Jebat begitu terserlah dengan rasa duka, berang dan wira.

Seterusnya, kajian yang memberi fokus pada watak Puteri Gunung Ledang semata-mata berada dalam ruang lingkup kajian yang masih kurang diterokai. Maizura Osman dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018) berminat mengelelah unsur metafora yang terkandung dalam kritikan terhadap kepimpinan raja menerusi kisah Puteri Gunung Ledang yang terkandung dalam *Salalatus Salatin* (1997). Penelitian ini menganalisis syarat-syarat peminangan yang dikemukakan Puteri Gunung Ledang berpandukan teori Relevans, serta diperkemas dengan pendekatan Rangka Rajah Silang. Dapatkan kajian memperlihatkan Puteri Gunung Ledang tidak berminat menerima peminangan sultan Melaka, lalu syarat-syarat yang dikemukakan adalah sesuatu yang agak mustahil dan menguji kewibawaan sultan Melaka sebagai seorang pemimpin tertinggi. Pengarang juga membuktikan bahawa pada zaman feudal, kritikan terhadap pemerintah telah wujud dan disampaikan dengan penuh berlapik.

Oleh yang demikian, penelitian ini masih menjadikan *Hikayat Hang Tuah* sebagai rujukan utama, namun turut disaring serta dibandingkan kandungannya dengan Sejarah Melayu. Walau bagaimanapun, fokus perbincangan tertumpu pada watak Puteri Gunung Ledang dalam kedua-dua naskhah tersebut.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

### Puteri Gunung Ledang sebagai Anak Raja Melaka

Gambaran atau perlukisan watak Puteri Gunung Ledang yang dinukulkan dalam *Hikayat Hang Tuah* sebenarnya tidak sama seperti yang dikisahkan dalam *Sejarah Melayu*. Menerusi *Sejarah Melayu*, kita dapat menemukan watak Puteri Gunung Ledang dalam bab ‘Alkisah Cetera yang Kedua Puluh Tujuh’. Watak Puteri Gunung Ledang diperihalkan dalam bab ini sebagai pengganti raja perempuan iaitu isteri Sultan Mahmud yang telah mangkat. Sultan Mahmud diperwatakan sebagai seorang pemerintah yang mempunyai cita rasa yang tinggi. Oleh yang demikian, baginda Sultan Mahmud kepingin beristerikan anak raja yang bukan berasal dalam kalangan anak-anak raja kerana sudah menjadi tradisi raja-raja akan dijodohkan dengan anak-anak raja. Lalu, menitahkan Laksamana dan Sang Setia untuk meminang Puteri Gunung Ledang. Hal ini dipersembahkan melalui petikan berikut:

Maka titah Sultan Mahmud, “Jikalau beristeri sama anak-anak raja ini, adalah raja-raja lain pun demikian juga; yang kita kehendaki, barang yang tiada pada raja yang lain, itulah hendak kita peristeri. Akan sekarang kita hendak meminang Puteri Gunung Ledang; Laksamana dan Sang Setia kita titahkan.”

(*Sejarah Melayu*: 211)

Puteri Gunung Ledang dipotretkan sebagai pilihan Sultan Mahmud Syah untuk diperisterikan walaupun tidak pernah berkenan-kenalan atau berkasih-kasihan sebelumnya. Haryati Hasan (2016) mentakrifkan keinginan Sultan Mahmud untuk memperisterikan Puteri Gunung Ledang sebagai usaha menonjolkan kelebihan baginda yang dapat memperisterikan Puteri Gunung Ledang yang diperkatakan sebagai seorang yang rupawan. Walau bagaimanapun, status Puteri Gunung Ledang itu sendiri agak kabur dari segi salahsilahnya memandangkan terdapat petikan yang memerihalkan jelmaan orang tua yang bertemu Tun Mamat adalah Puteri Gunung Ledang; “Maka pada suatu riwayat orang tua yang berkata-kata itulah Puteri Gunung Ledang, merupakan dirinya seorang tua” (*Sejarah Melayu*: 213).

Kedudukan ataupun status Puteri Gunung Ledang ditampilkan bernuansa dengan yang terkandung dalam *Hikayat Hang Tuah*. Puteri Gunung Ledang dikisahkan sebagai seorang anak Raja Melaka dalam *Hikayat Hang Tuah*. Hal ini demikian, Puteri Gunung Ledang dipilih oleh baginda ayahandanya untuk ditabalkan sebagai raja Melaka bagi merealisasikan sistem perwarisan takhta. Pengamalan sistem pewarisan takhta dalam sistem beraja yang diamalkan memperlihatkan pengantian pemerintah seterusnya haruslah dalam kalangan perwarisnya juga. Gambaran kedudukan Puteri Gunung Ledang dapat dibuktikan melalui arahan yang diperintahkan kepada Bendahara dan Laksamana oleh Raja Melaka seperti berikut:

“Ayo mamak bendahara dan Laksamana, pada bicara kita, hendak rajakanlah anak kita yang perempuan ini akan ganti kita jadi raja di negeri Melaka, kerana kita pun sudah tualah.” Maka sembah bendahara dan Laksamana, “Daulat Tuanku Syah Alam, sebenarnyalah seperti titah Duli Yang Maha Mulia itu.”

(*Hikayat Hang Tuah*: 535)

Sebagai seorang yang berketurunan diraja dan pewaris kerajaan negeri Melaka, Raja Melaka memerintahkan anakanda perempuannya yang bernama Puteri Gunung Ledang dilantik sebagai penggantinya. Petikan di atas secara jelasnya membuktikan kedudukan dan status Puteri Gunung

Ledang sebagai pewaris dan keturunan diraja bagi negeri Melaka berdasarkan perspektif pengarang *Hikayat Hang Tuah*.

#### Puteri Gunung Ledang sebagai Pemerintah Melaka

Menjelak pengalaman pembacaan *Sejarah Melayu*, Puteri Gunung Ledang bersemayam di puncak Gunung Ledang dan tidak bersangkutan dengan negeri Melaka, malah hasrat Sultan Mahmud untuk meminang Puteri Gunung Ledang juga tidak kesampaian apabila baginda tidak mampu menunaikan salah satu syarat peminangan iaitu semangkuk darah anak raja yang bernama Raja Ahmad dan diungkapkan dalam petikan berikut; “Semuanya kehendaknya itu dapat kita adakan; mengeluarkan darah itu juga tiada dapat, kerana tiada sampai hati kita, melainkan berhentilah dahulu” (*Sejarah Melayu*: 213).

Berbanding dengan *Hikayat Hang Tuah*, Puteri Gunung Ledang turut ditampilkan sebagai pemerintah negeri Melaka. Bendahara dan Laksamana menjadi saksi akan titah perintah Raja Melaka yang ingin takhtanya digantikan anakanda perempuannya memandang diri tuanku yang kian renta dimamah usia. Rentetan daripada perintah tersebut, sebuah majlis penuh istiadat telah diadakan bagi meraikan Puteri Gunung Ledang sebagai pewaris takhta kerajaan Melaka yang baharu. Kemeriahan majlis dengan penuh istiadat digambarkan penulis seperti petikan berikut;

Maka dikerjakan oranglah seperti titah baginda itu. Setelah genap empat puluh hari empat puluh malam maka Puteri Gunung Ledang pun dihiasi oranglah dengan pakaian kerajaan dengan selengkapnya. Setelah sudah maka Puteri Gunung Ledang pun dinaikkan baginda ke atas peterana yang keemasan yang bertatahkan ratna mutu manikam berumbai-umbaikan mutiara. Maka pedang kerajaan pun terpikullah oleh anak raja-raja terdiri kiri kanan Puteri Gunung Ledang itu. Setelah sudah, maka nobat pun berhentilah. Maka Puteri Gunung Ledang itu dilangiri oleh baginda seperti adat raja-raja bersiram naik raja. Maka nasi semangat pun diangkat oranglah ke hadapan Puteri Gunung Ledang dan yang mengangkat hidangan itu semuanya menyandang tetampan kekuningan belaka. Setelah sudah baginda pun berangkat keluar. Maka hidangan pun diangkat oranglah ke balairung beratus-ratus. Maka segala menteri dan hulubalang pun masing-masing makanlah pada hidangannya. Setelah sudah makan, maka datang pula hidangan minuman dan tambul pelbagai rupanya dan rasanya. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu manikam itu pun diperedarkan oranglah pada segala menteri pegawai hulubalang sekalian itu. Maka minumlah sekaliannya terlalu ramai dengan tepuk tarinya.

(*Hikayat Hang Tuah*: 536)

Puteri Gunung Ledang ditabalkan sebagai Raja Melaka yang seterusnya dan diraikan dalam majlis adat-istiadat pertabalan sebagai Raja Melaka yang baharu. Alat-alat kebesaran diraja seperti nobat dibunyikan dan warna kuning yang dianggap sebagai warna diraja turut digunakan pada hari pertabalan.

Raja Melaka yang juga merupakan ayahanda kepada Puteri Gunung Ledang mula merasakan kekerdilan insan sebagai seorang hamba Tuhan. Baginda telah turun dari kerajaan dan bersikap sebagai seorang fakir dalam mencari kesempurnaan jiwa. Raja Melaka menyusur ke segenap kampung sehingga khabar dan kisah mengenainya tidak lagi kedengaran. Walaupun Raja Melaka telah ghaib, Puteri Gunung Ledang masih tetap di atas takhta sebagai pemerintah negeri Melaka, malah Melaka semakin makmur seperti yang dinukilkkan pengarang seperti berikut:

Sebermula peninggalan Raja Melaka sudah ghaib itu, maka Puteri Gunung Ledang pun tetaplah di atas kerajaannya dengan adilnya dan murahnya akan segala rakyat dan dagang senteri yang pergi datang itu sangat tahanfusnya. Maka negeri Melaka pun sentosalah, makin bertambah-tambah ramainya dengan sebab bendahara dan temenggung dan Laksamana memeliharaikan negeri itu. Maka dagang dan senteri pun banyaklah pergi datang bermiaga pada negeri itu.

(*Hikayat Hang Tuah*: 543)

Petikan di atas secara tidak langsung membuktikan kedudukan Puteri Gunung Ledang sebagai seorang pemerintah negeri Melaka. Petikan tersebut turut memerihalkan keunggulan pemerintahan Puteri Gunung Ledang sehingga Melaka mengecapai kemakmuran. Kredibiliti Puteri Gunung Ledang sebagai pemerintah Melaka diperkuuh dengan kepercayaan orang luar yang semakin ramai menyinggah di Melaka untuk berdagang barang.

### Peristiwa Melaka diserang Portugis

Peristiwa Melaka yang diserang Portugis sememangnya tidak terlepas dikisahkan dalam teks sastera sejarah, malah dianggap sebagai penghujung kegemilangan zaman Kesultanan Melayu Melaka. Menerusi *Sejarah Melayu*, nama Puteri Gunung Ledang tidak diabadikan, malah watak Puteri Gunung Ledang sekadar disampaikan melalui kisah peminangannya oleh Sultan Mahmud. Petikan seterusnya merupakan perlukisan pengarang tentang keadaan Melaka setelah terpaksa akur kalah pada Portugis:

Maka Melaka pun alahlah, dinaiki oleh Feringgi dan ujung balai, tiba-tiba lalu ke dalam. Maka segala orang Melaka pun larilah. Maka Sultan Mahmud pun berlepas diri. Maka Bendahara ditandu orang dibawa lari, Selamat Gagah nama orang menandu itu. Maka Feringgi pun datang berturut-turut.

(*Sejarah Melayu*: 270)

Melalui petikan di atas, pembaca diberikan gambaran tentang pengakhiran keagungan Melaka yang dijajah Portugis. Sultan Mahmud telah membawa diri, meninggalkan Melaka yang tidak lagi selamat didiami ketika itu. Ahmad Jelani Halimi (2008) menyatakan bahawa Sultan Mahmud dan anakanda baginda, Sultan Ahmad telah membawa diri ke Johor, Pahang dan seterusnya ke Bentan. Walau bagaimanapun, kisah Melaka diserang Portugis dalam *Hikayat Hang Tuah* mengangkat watak Puteri Gunung Ledang sebagai pengemudi pemerintahan Melaka ketika itu.

Kemakmuran yang dikecapi negeri Melaka ketika di bawah pemerintahan Puteri Gunung Ledang menjadikan Melaka semakin maju sebagai tempat persinggahan ataupun perdagangan termasuklah orang-orang Feringgi yang turut berminat menyinggah di pelabuhan Melaka. Rombongan orang-orang Feringgi telah ini meminta sebuah gedung yang terletak berhadapan pintu gerbang negeri Melaka. Kisah ini dikisahkan dalam *Hikayat Hang Tuah* seperti dalam petikan;

...maka datang sebuah kapal Feringgi dari negeri Manila membawa dagangan terlalu banyak bermiaga ke negeri Melaka itu. Maka kapitan kapal itu pun naik; ia menghadap Bendahara Paduka Raja membawa persembah terlalu banyak, berlaksa emas pada seorang. Bermula temenggung dan Laksamana dan Puteri Gunung Ledang pun dibawanya demikian juga. Maka kata kapitan kapal itu pada bendahara hendak minta tempat duduk sebuah gedung di hadapan pintu gerbang negeri Melaka itu. Maka dibicarakan oleh bendahara dan temenggung dan Laksamana dengan segala menteri pegawai sekalian, tiada diberinya duduk berbuat gedung itu, sekadar diberinya bermiaga di kapal sahaja. Telah sudah ia bermiaga maka kapal Feringgi itu pun belayarlah kembali ke negerinya ke Benua Portugal.

(*Hikayat Hang Tuah*: 542)

Setelah Laksamana, bendahara, temenggung dan menteri-menteri yang lainnya berbincang, mereka memutuskan untuk tidak meluluskan permintaan orang Feringgi yang berkehendakkan sebuah gedung yang berkedudukan di hadapan pintu gerbang negeri Melaka. Orang Feringgi hanya dibenarkan menjalankan perniagaan seperti biasa di kapal sahaja. Melalui petikan di atas, dapat

disimpulkan bahawa orang Feringgi atau Portugis sebenarnya telah mula menyusun strategi untuk menakluk Melaka.

Kedatangan Portugis tidak berakhir di situ sahaja, malah mereka kembali ke Melaka dengan perancangan yang lebih rapi, malah wakil orang Ferringgi turut mengadap Puteri Gunung Ledang dengan mempersembahkan emas dan perak bagi membeli tanah. Puteri Gunung Ledang akhirnya menerima permohonan wakil dari orang Ferringgi itu;

Maka datanglah pada tahun yang ke hadapan, maka mari pula sebuah kapal terlalu besar di negeri Portugal. Adapun kapitan Feringgi itu Feringgi yang lain pula datang itu membawa emas dan perak dan senjata terlalu banyak, tiadalah muat dagangan yang lain lagi melainkan penuh di kapal itu dengan ubat pelurunya dan dimuatnya batu pegawai gedung itu juga, mustaid sudah sedia. Maka kapitan Feringgi itu pun naiklah mengadap Puteri Gunung Ledang membawa persembahan berpuluhan puluh bahara emas dan perak memohonkan beli tanah sebidang belulang sahaja; katanya, akan tempat duduk bermiaga di darat. Maka titah Puteri Gunung Ledang, “Baiklah, berapa mu hendak beri harganya tanah sebidang belulang itu? Biarlah aku beri. Aku hendakkan harganya itu pun sebidang belulang juga timbunan rial itu, tingginya pun demikian juga.” Maka kapitan Ferringgi itu pun berkata, “Baiklah, biarlah patik sembahkan seperti kehendak raja itu.”

(*Hikayat Hang Tuah*: 544)

Kedatangan orang-orang Feringgi membawa persembahan emas dan perak benar-benar mengaburi pandangan Puteri Gunung Ledang dengan helah yang terselindung di sebalik hadiah yang ditawarkan kepada Puteri Gunung Ledang, selaku Raja Melaka ketika itu. Tanah yang diinginkan pihak Feringgi begitu penting untuk dibina sebuah gedung yang dilengkapi dengan senjata. Menurut Mohammad Salleh Rahamad (2014) dalam bukunya yang berjudul *Oksidentalisme dalam Sastera Melayu Sebelum Merdeka hingga Era Mahathir*, orang Feringgi telah membina gedung di atas tanah yang telah dibeli walaupun telah dihalang oleh Laksamana. Gedung ini menjadi pengkalan bagi orang Feringgi untuk menyerang Melaka pada waktu malam. Kamaruddin M. Said (2001) dalam makalahnya yang berjudul “Orientalisme, Pascakolonialisme dan Kepengarangan Melayu” menjelaskan gedung ini turut dilengkapi dengan pelbagai senjata yang digunakan untuk menyerang kerajaan Melaka. Strategi membeli tanah seluas sebidang selulang di Melaka telah membantu Portugis menawan Melaka dengan lebih mudah melalui serangan dari darat. Kedatangan kali pertama dan kedua pihak Feringgi yang ingin membeli tanah di Melaka dapatlah disimpulkan sebagai perancangan rapi yang dirancang pihak Feringgi sehingga memakan masa melebihi setahun dalam usaha menakluk Melaka. Muslihat dalam persembahan hadiah berbentuk material terhadap Puteri Gunung Ledang, lalu diperkenankan permohonan membeli tanah telah membawa kepada pengakhiran zaman Kesultanan Melayu Melaka dan membuka lembaran baharu terhadap zaman kolonial di tanah air.

Melaka telah diserang oleh Feringgi dan menjadikan keadaan yang begitu huru-hara di Melaka sehingga tidak terbendung lagi. Puteri Gunung Ledang pula telah melarikan diri ke hulu Melaka. Puteri Gunung Ledang juga dikisahkan telah melarikan diri sehingga ke negeri Batak seperti yang diceritakan dalam *Hikayat Hang Tuah*;

Bermula Puteri Gunung Ledang lari itu kira-kira sepuluh hari perjalanan jauhnya ke negeri Melaka itu. Maka Puteri Gunung Ledang pun jatuh ke dalam hutan rimba yang amat besar hampir dengan negeri Batak. Maka diambil oleh segala menteri batak itu, dirajakannya Puteri Gunung Ledang itu dalam negeri Batak itu. Maka tiadalah tersebut lagi perkataan Puteri Gunung Ledang itu hingga datang sekarang.

(*Hikayat Hang Tuah*: 546)

Serangan Feringgi yang begitu strategik terhadap Melaka telah membawa kepada episod baharu kepada Melaka, juga mengubah nasib Puteri Gunung Ledang sebagai pemerintah negeri Melaka. Keadaan yang tidak dapat dikawal dan tiada persediaan peperangan daripada pihak Melaka telah menyebabkan Puteri Gunung Ledang tiada pilihan selain menyelamatkan diri. Puteri Gunung Ledang telah mlarikan diri sehingga ke negeri Batak, lalu dirajakan di sana. Setelah itu, kisah Puteri Gunung Ledang tidak disebut-sebut lagi.

## KESIMPULAN

*Hikayat Hang Tuah* merupakan naskhah sejarah yang begitu penting dalam memerihalkan ketamadunan bangsa Melayu, malah naskhah ini dianggap sebagai sebuah karya yang agung. Cassim Ahmad (2006) melalui tulisannya berjudul “Mengapakah *Hikayat Hang Tuah* dianggap Sebagai Karya Agung” melabelkan *Hikayat Hang Tuah* sebagai sebuah karya agung kerana mempunyai ciri-ciri yang universal dan begitu signifikan dalam kehidupan manusia seperti keindahan atau kecantikan, kerahiman dan kasih sayang, kebenaran, keadilan, keberanian, pengorbanan dan kemanusiaan. Selain itu, *Hikayat Hang Tuah* juga telah menerima pengiktirafan daripada pihak UNESCO sebagai *Memory of the World Register*. Sementara itu, Froancois Valentijn (Abdul Rahman Napiah 1994) menyifatkan *Hikayat Hang Tuah* sebagai khazanah sastera Melayu yang paling berharga dan mempunyai mutu seni yang tinggi. Secara jelasnya, pengkisahan mengenai watak Puteri Gunung Ledang dalam *Hikayat Hang Tuah* tidak sama dengan yang tercatat dalam naskhah *Sejarah Melayu*. Berdasarkan penelitian terhadap *Hikayat Hang Tuah*, Puteri Gunung Ledang merupakan anak kepada Raja Melaka. Sesudah Raja Melaka menuruni takhta, Puteri Gunung Ledang ditabalkan menjadi pemerintah negeri Melaka yang seterusnya bagi menggantikan ayahandanya. Hal ini memperlihatkan golongan wanita turut diberikan peranan yang penting dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Haryati Hasan (2014) mengklasifikasikan wanita menyumbangkan peranan yang signifikan di sebalik “kedaulatan” kuasa istana.

Pemerintahan Melaka di bawah Puteri Gunung Ledang telah membawa kepada kemakmuran kepada negeri Melaka sehingga pihak asing begitu berminat untuk menakluk Melaka, sehinggalah Feringgi berjaya memperdaya Puteri Gunung Ledang dengan membeli tanah di Melaka yang sebenarnya membuka laluan kepada Feringgi untuk menyerang Melaka. Setelah Melaka berjaya ditawan orang-orang Feringgi, Puteri Gunung Ledang yang telah mlarikan diri sehingga ke sebuah hutan tebal berhampiran dengan negeri Batak dan telah diselamatkan menteri negeri Batak, lalu dirajakan di sana. Puteri Gunung Ledang bukan sahaja disebut sebagai Raja negeri Melaka tetapi turut menjadi Raja di negeri Batak. Tuntasnya, pengkisahan Puteri Gunung Ledang dalam *Hikayat Hang Tuah* lebih memperincikan watak Puteri Gunung Ledang sebagai sebahagian daripada salasilah berketurunan diraja dan sebagai seorang pemerintah tertinggi di Melaka.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Ismail & Haron Daud (Edt.). 2012. *Sulalat-us-Salatin (Sejarah Melayu); Cerakin sejarah, budaya dan bahasa*. Pulau Pinang: Penerbit USM.  
Abdul Rahman Napiah. 1994. *Tuah-Jebat dalam drama Melayu: Satu kajian Intertekstualiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ahmad Jelani Halimi. 2008. Sejarah dan tamadun bangsa Melayu. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Haryati Hasan. 2014. Isu-isu wanita dalam manuskrip Melayu abad ke-15 hingga abad ke-18. *Jurnal Perspektif* 6(1): 36-48.
- Haryati Hasan. 2016. Wanita dalam kemelut politik kerajaan Melayu Melaka dan Johor-Riau. Dalam Arba'iyah Mohd Noor & Abu Hanifah Haris. *Permata Budi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kamaruddin Md. Said. 2001. Orientalisme, Pascakolonialisme dan kepengarangan Melayu. *Jurnal Pemikir* April-Jun.
- Kassim Ahmad. 2017. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maizura Osman & Nor Hashimah Jalaluddin. 2018. Metafora kritikan dalam peminangan Puteri Gunung Ledang: Analisis Pragmatik. *MELAYU: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 11(1): 19-46.
- Mohamad Salleh Rahamad. 2014. *Oksidentalisme dalam sastera Melayu sebelum merdeka hingga era Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Mohd Rosli Saludin & Muhammad Sufi Ahmad Nazri. 2020. Adab masyarakat Melayu lama dalam *Hikayat Hang Tuah*. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 8(3):23-31.
- Muhammad Nor Sahfiq Amran & Mas Rynna Wati Ahmad. 2021. Rasa emosi Hang Jebat dalam *Hikayat Hang Tuah*. *Jurnal Melayu* 20(2):267-281.
- Shellabear, W.G. (pengusaha). 2016. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sohaimi Abdul Aziz. 2020. Lapisan budaya keris Taming Sari dalam *Hikayat Hang Tuah*: Pendekatan budaya dan Semiotik. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 13(2):319-338.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Salinah Ja'afar. 2013. Simbol kebesaran daulat, mahkota dan keris dalam *Hikayat Hang Tuah*. *Jurnal Melayu* 11: 99-109.
- Wan Abd. Halim Bashah. 2017. *Hang Tuah dari perspektif sejarah*. Serdang: Penerbit UPM.

MOHD HANIFF MOHAMMAD YUSOFF\*  
 Unit Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu,  
 Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,  
 Universiti Utara Malaysia,  
 06010, Sintok, Kedah, MALAYSIA.

Pengarang untuk surat menyurat: [mohdhaniff@uum.edu.my](mailto:mohdhaniff@uum.edu.my)

Received: 3 June 2022 / Accepted: 7 September 2022 / Published: 9 December 2022